

03 MAY 2001

FIC-GARIS PANDUAN

SEKATAN RAKYAT ASING BELI HARTA LAMA ATAU BARU DIHAPUSKAN

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Rakyat asing kini dibenarkan memiliki semua jenis rumah kediaman, rumah kedai, ruang pejabat dan ruang perniagaan yang berharga lebih RM250,000 seunit sama ada yang lama ataupun baru dilancarkan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

Perdana Menteri berkata dalam memiliki harta itu, mereka dibenarkan mendapatkan pembiayaan daripada sumber kewangan tempatan dan tidak perlu lagi menubuhkan sebuah syarikat dengan penyertaan ekuiti tempatan.

Sebelum ini, rakyat asing hanya dibenarkan membeli harta dari projek yang telah siap ataupun sedang dibina dengan sekurang-kurangnya 50 peratus kemajuan pelaksanaan dengan sekatan pembiayaan dari sumber luar negara sahaja.

Garis panduan baru Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) itu, yang berkuatkuasa 25 April lepas, meliputi transaksi pemilikan hartanah oleh rakyat asing.

Dr Mahathir berkata dalam satu kenyataan di sini, garis panduan itu adalah sebahagian daripada usaha untuk mempercepatkan proses pelaburan dan menggalakkan lebih banyak pelaburan asing dan tempatan.

Beliau juga berkata bahawa syarikat atau individu yang terbabit dalam penjualan hartanah di bawah RM20 juta kini hanya perlu melaporkan cadangan transaksi yang dimeterai kepada Urusetia FIC untuk tujuan rekod sahaja.

Dengan itu, Pihak Berkuasa Negeri tidak perlu menunggu kelulusan FIC dalam menguruskan kes-kes tersebut, katanya.

Peraturan ini meliputi penjualan hartanah oleh Bumiputera kepada Bumiputera, bukan Bumiputera kepada Bumiputera, bukan Bumiputera kepada bukan Bumiputera dan kepentingan asing kepada rakyat Malaysia.

Perdana Menteri berkata selain itu, perolehan harta berharga bawah RM10 juta oleh rakyat tempatan dikecualikan daripada mendapat kelulusan FIC.

Sebelum ini, pengecualian itu diberikan kepada perolehan harta di bawah RM5 juta.

Dr Mahathir berkata langkah tersebut bertujuan untuk memudah dan mempercepatkan transaksi kecil untuk diselesaikan di peringkat Pihak Berkuasa Negeri.

Kerajaan juga membenarkan kepentingan asing yang menjalankan aktiviti pengilangan tetapi dikecualikan daripada mendapat lesen pengilangan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, untuk memperolehi lot industri ataupun kilang.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata lot industri atau kilang itu hanya boleh digunakan untuk aktiviti pengilangan mereka dan tidak boleh disewakan.

Bagi menggalakkan penubuhan ibu pejabat atau pejabat serantau di Malaysia, kerajaan kini membenarkan syarikat asing memiliki pejabat atau ruang pejabat termasuk pejabat cawangan, berharga lebih RM250,000, tanpa syarat ekuiti atau dihadkan bilangan unit yang boleh dimiliki.

Perdana Menteri berkata syarikat asing yang ditubuhkan di negara Asean yang ingin menubuhkan syarikat usahasama atau menjalankan aktiviti perdagangan dan perniagaan di negara ini pula dibenarkan memiliki pejabat atau ruang pejabat yang berharga lebih RM250,000 tanpa syarat ekuiti.

Katanya, bagi perolehan unit kediaman di bawah "Silver-Haired Programme", kerajaan membenarkan rakyat asing membeli unit kediaman bernilai RM150,000 ke atas dengan syarat kediaman itu terletak di dalam kawasan yang dikhaskan untuk program itu.

Dr Mahathir turut mengumumkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi menjadi anggota baru FIC. -- BERNAMA
MFJ MFJ